

٣) كِتَابُ الْعِلْمِ

(3) *Kitab al-'Ilm*¹

¹ Kitāb Ilmu dengan Kitāb Iman sebelumnya mempunyai hubungan yang sangat rapat, kerana ilmu yang betul akan meneguhkan iman seseorang yang boleh bertambah dan berkurang itu.

Dengan ilmu juga seseorang mu'min dapat mengetahui apakah tuntutan iman yang sebenarnya, bagaimanakah cara pelaksanaannya dan dengannya juga dia akan dapat mengetahui perkara-perkara yang membahayakan imannya.

Ilmu yang ada pada seseorang yang tidak beriman juga tidak berguna, kerana ilmu yang tidak berasaskan iman hanyalah bersifat sementara dan tidak akan mencapai maksud sebenar ilmu itu dipelajari. Selain dari itu, ilmu tentang keimanan dan kepercayaan yang diperolehi dengan tidak berpandukan wahyu juga tidak boleh dipegang dan diyakini.

Kerana itulah setelah Allah menyatakan tanda-tanda kewujudan dan kebesaranNya di dalam al-Qur'ān, disebutkan bahawa ia hanyalah tanda-tanda kebesaran, kewujudan, keagungan, kebesaran dan kekayaan Allah s.w.t. kepada orang-orang yang berilmu pengetahuan. Lihat sebagai contohnya firman Allah berikut:

وَمِنْ عَائِيَتِهِ خَلْقُ الْسَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخِرَانِ فَإِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِيْنَ لِلْعَلِيِّينَ ﴿٢٢﴾

Bermaksud: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (dan bukti-bukti) bagi orang-orang yang berilmu pengetahuan (ar-Rūm:22).

Sering kali juga ilmu pengetahuan membawa seseorang yang tidak beriman kepada keimanan, tidak kerana lain melainkan kerana rapatnya hubungan ilmu pengetahuan dan iman itu.

Imam Bukhāri juga menyesuaikan susunan Kitāb Ilmu ini dengan firman Allah s.w.t. di dalam bab pertama nanti yang menyebutkan bahawa Allah s.w.t. mengangkat darjah orang-orang yang beriman terlebih dahulu, kemudian barulah disebutkan orang-orang yang berilmu.

Susunan sebegini juga mengisyaratkan bahawa antara ilmu yang ada di dunia ini, ilmu yang paling berfaedah ialah ilmu tentang Kitāb yang disebutkan olehnya sebelum ini, iaitu ilmu tentang keimanan dan 'aqidah. Ilmu-ilmu itu juga menjadi keperluan dan kemestian setiap orang Islam, tidak seperti ilmu lain yang tidak salah jika tidak mengetahuinya.

Ilmu yang berguna dalam konsep agama Islam ialah ilmu yang berkaitan dengan Allah s.w.t. dan hari akhirat, bukan semata-mata ilmu yang berkait dengan kehidupan dunia sahaja, kerana kehidupan seorang muslim tidak hanya terhenti di dunia ini.

Adapun Kitāb Wahyu yang disebut terlebih dahulu daripada Kitāb Iman, ia bukan menunjukkan iman itu kurang penting dan tidak sesuai dijadikan Kitāb pertama, tetapi kerana ilmu yang boleh diyakini dan boleh dijadikan pegangan dalam 'aqidah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.²

١ - بَابُ فَضْلِ الْعِلْمِ

وَقَوْلُ اللَّهِ تَعَالَى : ﴿ يَرْفَعُ اللَّهُ أَذْنِينَ أَمْنَوْا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَبِيرٌ ﴾ وَقَوْلُهُ عَزَّ وَجَلَّ : ﴿ وَقُلْ رَبِّ

زِدْنِي عِلْمًا ﴾

Bab (1): Kelebihan Ilmu³ Dan firman Allah S.W.T.: Bermaksud: "Allah Mengangkat Di kalangan Kamu Orang-Orang Beriman Dan Orang-Orang Yang

mestilah berpunca daripada wahyu dan bukan dicapai hanya dengan menggunakan 'aqal manusia.

Imam Bukhāri juga dengan itu mengisyaratkan bahawa ilmu tentang keimanan yang diyakini itu sumbernya adalah wahyu, bukan 'aqal, bukan pengalaman, bukan uji kaji (eksperimen), bukan ilmu yang diperolehi melalui pancaindera dan lain-lain yang semuanya boleh berlaku kesilapan.

Beliau juga mengisyaratkan bahawa segala ilmu yang akan disebutkan di dalam kitāb-kitāb dan bab-bab seterusnya juga berpunca daripada wahyu, sama ada berupa al-Qur'ān atau ḥadīts Nabi s.a.w.

² Di dalam Shāfi'īh Bukhāri, kadang-kadang anda akan dapati *Basmalah* tidak terletak sebelum "Kitab", tetapi selepasnya. Ia menunjukkan tempat Imam Bukhāri mula menulis kembali setelah beliau berhenti dari penulisan yang sebelumnya.

Di dalam nuskah Abi Dzar, *Basmalah* di sini tertulis sebelum Kitāb al-'Ilm, bukan selepasnya. Di dalam nuskah al-Ashīlī, Karimah dan lain-lain pula ia terletak selepas Kitāb al-'Ilm. Demikian kata Hafizh Ibnu Hajar.

Kedudukan *Basmalah* selepas Kitāb al-'Ilm sebenarnya lebih menyerupai susunan al-Qur'ān daripada segi nama surah yang tertulis terlebih dahulu, kemudian *Basmalah* dan kemudian barulah isi surah.

³ Untuk menggalakkan pembaca supaya tertarik dan minat kepada ilmu, Imam Bukhāri membuat bab tentang kelebihan ilmu, kerana ilmu yang tidak diketahui kelebihannya akan terbiar, terabai dan tidak diberikan perhatian, manakala ilmu yang diketahui, dima'lumi ganjaran dan jaminannya akan diusahakan dengan penuh kesungguhan dan kesediaan untuk berkorban.

Ilmu-ilmu dunia yang balasannya hanya sekadar kehidupan dunia ini sahaja tidak disebutkan di dalam al-Qur'an dan ḥadīts kerana kelebihannya bersifat sementara seperti dunia yang juga sementara.

Mengetahui kelebihan ilmu Islam akan mengubah mentaliti seseorang, ia akan membuatkannya berterusan menimba ilmu, menyebarkannya dengan penuh kesungguhan, mempunyai kesanggupan untuk berkorban, sentiasa berfikir untuk masa depan agama, walaupun tanpa tawaran istimewa dan habuan dunia.

Mengikut syarat Imam Bukhāri dalam penyusunan kitabnya, beliau tidak akan mengulangi tajuk yang sama sepenuhnya dua kali atau lebih. Pada bab ke-22 akan datang, terdapat "Bab: Kelebihan Ilmu", maka sesetengah 'ulama' cuba memberikan jawapan bahawa mengikut nuskah Shāfi'iyyah Bukhāri yang lain, rangkai kata "Kelebihan Ilmu" itu tidak ada pun di sini sebenarnya, bahkan ayat yang sebenarnya hanyalah "Bab: firman Allah...".

Ḩāfiẓh al-'Aini berpendapat perlu dita'wilkan perkataan ilmu (فضل العلم) di sini dengan ma'na 'orang yang berilmu' (فضل العالم) iaitu perkataan *mashdar* dipakai dengan ma'na *isim fā'il*. Pendapat beliau itu bagaimanapun menimbulkan kemusykilan yang lain pula iaitu ada kemungkinan juga berlaku kesilapan yang berpunca daripada penyalin atau mungkin juga telah berlakunya *tashhīf* di situ.

Dan kenapakah pula disebutkan firman Allah yang bermaksud: Tuhanku, tambahkanlah kepadaku ilmu, bukankah itu menunjukkan bahawa kelebihan yang dimaksudkan di sini adalah kelebihan ilmu, bukan orang yang berilmu?

Beliau menyatakan lagi bahawa orang yang berilmu menjadi lebih kerana ilmunya, tetapi dakwaannya ini agak jauh.

Maulana Maḥmūdul Ḥasan menta'wilkan perkataan فضل tersebut dengan mengatakan bahawa bab pertama ini bertujuan menyatakan kelebihan ilmu, adapun pada bab ke-22 akan datang, dinyatakan pula tentang lebih-lebihan ilmu, dengan taqdir: باب ما زاد من العلم أو باب فاضل العلم seperti ilmu-ilmu fardhu kifayah, ilmu yang lebih daripada keperluan asas, tidak utama dan lain-lain.

Ilmu yang sebegini pun masih ada kelebihannya, pahalanya, keistimewaannya dan tidak termasuk dalam perkara yang sia-sia jika dipelajari, sebagaimana yang disebut oleh Nabi s.a.w.:

مِنْ حُسْنِ إِسْلَامِ الْمُرْءِ مَا لَا يَعْنِيهِ

Bermaksud: "Antara tanda keelokan Islam seseorang ialah dia meninggalkan apa yang tidak berguna dan tidak berfaedah kepadanya."

Bagaimanalah pula dengan ilmu yang memang utama dan berguna di dunia dan di akhirat!

Diberikan Ilmu Beberapa Darjat.⁴ Allah amat Mengetahui Apa-Apa Yang Kamu Lakukan.”⁵ (Al-Mujadilah:11) Dan FirmanNya: “Tuhanku Tambahkanlah Kepadaku Ilmu.”⁶ (Thaha:114)

⁴ Firman Allah ini jelas menunjukkan perkaitan yang sangat rapat di antara iman dan ilmu. Ia juga menunjukkan orang yang beriman dan berilmu memang mempunyai kelebihan. Allah menaikkan mereka ke darjat-darjat yang tinggi dan memuliakan mereka melebihi orang-orang lain.

Tambahan perkataan **الذين آمنوا مِنْكُمْ** selepas pada firman Allah ini menunjukkan orang-orang yang beriman diberikan kelebihan itu, dan secara tidak langsung ia menuntut dan mendorong semua manusia supaya beriman. Ketiadaan perkataan **مِنْكُمْ** selepas **وَلَا** **أُوتُوا** **العلم** pula bererti tidak semestinya orang yang tidak berilmu tidak mempunyai apa-apa kelebihan.

Seorang mu'min biasa jauh lebih baik di sisi Allah daripada seorang yang berilmu tetapi tidak beriman. Ini kerana seringkali terdapat orang yang tidak beriman mempelajari sesuatu ilmu yang tidak berguna langsung untuk kemanusiaan, malah sebaliknya membahayakan mereka. Utk menggambarkan orang-orang seperti itulah Allah berfirman:

وَيَعْلَمُونَ مَا يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ

Bermaksud: ... Dan mereka mempelajari sesuatu yang membahayakan dan tidak berguna kepada mereka (sendiri)... (al-Baqarah:102).

Perkataan **دَرَجَاتٍ** disebutkan dalam bentuk *nakirah* dengan ma'na *ta'zhīm* untuk mengagungkan, membesar dan memuliakan darjat tersebut sehingga tidak dapat dibandingkan dengan darjat dan kedudukan yang diberikan oleh manusia.

Selain itu ia juga menyatakan bahawa darjat tersebut bukan satu tetapi banyak. *Nakirah* itu juga digunakan untuk perkara yang tidak ma'lum atau tidak diketahui secara terperinci, kerana darjat yang diberikan oleh Allah tidak diketahui bentuk rupanya, seperti ganjaran pahala dan sebagainya.

Amalan kebaikan yang terhasil daripada ilmu yang dimiliki seseorang yang berilmu pula tidak dinyatakan perinciannya. Apa yang disebutkan hanyalah sebagai balasan yang istimewa.

Sebagai orang Islam, kita hendaklah mempercayai dan meyakini bahawa darjat kelebihan beriman yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. itu tentulah istimewa dan tidak sama dengan darjat dunia, sesuai dengan firman Allah s.w.t.:

مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللَّهِ بَاقٍ

Bermaksud: (Sebenarnya) apa yang ada pada kamu akan habis dan hilang lenyap, dan apa yang ada di sisi Allah (pula) tetap kekal. (an-Nahl:96).

Kelebihan orang yang beriman dan berilmu pula tentunya lebih istimewa daripada orang yang beriman semata-mata. Sepertimana kelebihan ilmu seseorang di dunia ini

menaikkan darjatnya sesuai dengan ilmunya di sisi manusia, begitulah juga kelebihan ilmu seorang mu'min akan menaikkan darjatnya sesuai dengan ilmunya di sisi Allah.

⁵ Bukan sahaja perkara zahir yang diketahuiNya, tetapi Allah juga mengetahui niat seseorang yang ada di dalam hatinya sesuai dengan perkataan خير yang digunakan. Dia mengetahui apakah yang kamu lakukan dengan ilmu yang ada padamu dan apa tujuanmu dengan ilmu itu. Nabi s.a.w. telah bersabda sebagai peringatan dan ancaman terhadap orang-orang yang tidak ikhlas dalam menuntut ilmu:

مَنْ تَعْلَمَ عِلْمًا لِغَيْرِ اللَّهِ، أَوْ أَرَادَ بِهِ غَيْرَ اللَّهِ، فَلْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Bermaksud: "Sesiapa yang belajar sesuatu ilmu bukan kerana Allah ataupun dia menghendaki dengan ilmu itu sesuatu selain Allah, bererti dia telah menyediakan tempatnya di dalam neraka." (Hadits riwayat Tirmidzi, Nasā'i, Ibnu Abi Syaibah dan Ibnu Majah daripada Ibni 'Umar).

"مَنْ تَعْلَمَ عِلْمًا مَا يُبَتَّئِي بِهِ وَجْهُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَتَعْلَمُهُ إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَجِدْ عَزْفَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ" يعني ريحها

Bermaksud: Sesiapa mempelajari sesuatu ilmu yang seharusnya kerana Allah 'azza wa jalla, tetapi ia tidak mempelajarinya melainkan untuk mendapat habuan dunia dengannya, maka ia tidak akan mendapat bau syurga pada hari kiamat (nanti). (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah, Ḥākim daripada Abi Hurairah).

Firman Allah s.w.t. di dalam ayat ke-11 Surah al-Mujādilah ini, demikian juga sabda-sabda rasulullah yang dikemukakan di atas jelas menekankan tentang kepentingan niat terutamanya dalam pembelajaran dan pencarian ilmu, kerana Dia mengetahui seikhlas mana kamu dalam pencarian ilmu. Boleh jadi dengan niat keduniaan, ilmu yang dipelajari seseorang akan membawa kepada kerosakan dan kehancuran yang berakhir dengan dirinya dimasukkan ke dalam neraka seperti sabda Nabi s.a.w. tadi.

⁶ Allah s.w.t. mengajar kepada Nabi kita Muḥammad s.a.w. supaya meminta ditambahkan ilmu, tidak perkara lain. Ini bererti ilmu secara mutlaqnya merupakan suatu kelebihan, keutamaan dan keistimewaan, sehingga Nabi s.a.w. yang dikurniakan ilmu orang-orang terdahulu dan terkemudian pun diperintah supaya memintanya.

Firman Allah ini juga bererti ilmu perlu diminta, dicari dan ditambah walaupun telah lanjut usia.

Selain itu, ayat ini juga menunjukkan bahawa dalam pembelajaran ilmu, seseorang itu tidak boleh lupa dan meninggalkan Allah s.w.t., tidak boleh semata-mata bergantung kepada kemampuan dan tenaga diri sendiri sahaja, tetapi perlu juga meminta dari Allah, Tuhan yang Maha Mengetahui.

Imam Bukhāri tidak mengemukakan apa-apa hadits di bawah bab ini. Beliau hanya menyebutkan dua firman Allah s.w.t. semata-mata. Sebenarnya terdapat beberapa pendapat tentang tindakan Imam Bukhāri ini:

(1) Ada 'ulama' mengandaikan bahawa sebenarnya Imam Bukhāri bercadang untuk meletakkan hadits yang bersesuaian di bawah bab ini, tetapi beliau tidak sempat memasukkannya.

(2) Ada juga 'ulama' mengandaikan bahawa boleh jadi di dalam sesetengah nuskah Shahīf al-Bukhāri terdapat hadits yang diletakkan beliau, cuma penyalin tersilap dan

٢ - بَابُ مِنْ سُلْطَنِ عِلْمًا وَهُوَ مُشْتَغَلٌ فِي حَدِيثٍ، فَإِنَّ الْحَدِيثَ ثُمَّ أَجَابَ السَّائِلَ

Bab (2): Orang Yang Ditanya Tentang Sesuatu Ilmu Ketika Dia Sedang Sibuk Berbicara, Dan Dia Menyempurnakan Bicaranya Itu, Kemudian Baru Menjawab Soalan Orang Yang Bertanya.⁷

tidak memasukkannya. Tetapi sebenarnya tidak ada di dalam mana-mana nuskah pun ḥadīts di bawah bab ini.

(3) Ada juga yang mengatakan, kerana tidak terdapatnya ḥadīts yang sesuai dengan syarat yang diletakkan oleh Imam Bukhāri untuk Kitab Shāhīhnya ini, maka beliau tidak mengemukakannya. Namun pendapat ini tidak diterima para ‘ulama’, kerana memang terdapat banyak ḥadīts shāhīh yang menepati syarat Imam Bukhāri menyatakan kelebihan ilmu. Antaranya ialah ḥadīts berikut:

مَنْ يُرِيدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفْعَلُهُ فِي الدِّينِ

Bermaksud: Sesiapa yang dikehendaki Allah kebaikan (yang besar dan istimewa) untuknya, niscaya ia diberi Allah ilmu yang mendalam tentang agama. (Ḥadīts riwayat Bukhāri, Muslim, Aḥmad, Ibnu Ḥibbān, Tirmidzi, Ibnu Majah dan lain-lain). ḥadīts ini diriwayatkan oleh Bukhāri sendiri, bagaimana akan dikatakan tidak ada ḥadīts yang menepati syarat beliau berhubung dengan kelebihan ilmu?

(4) Ada juga ‘ulama’ mengatakan bahawa kelebihan ilmu yang dimaksudkan itu boleh dilihat pada ḥadīts ke-59 yang akan disebutkan di bawah bab ke-2 nanti. Alangkah lebihnya ilmu itu sehingga ketiadaannya boleh menyebabkan berlaku kiamat!

(5) Sesetengah ‘ulama’ berpendapat, Imam Bukhāri disamping menulis kitab ḥadīts, tidak melupakan sumber rujukan utama asas Islam iaitu al-Qur’ān. Ayat-ayatnya sudah memadai untuk menyatakan kelebihan ilmu. Seolah-olahnya beliau berkata, bahawa sebenarnya dalam keadaan telah ada firman Allah, ḥadīts-ḥadīts tidak diperlukan lagi. Ini kerana al-Qur’ān itu sudah cukup kuat untuk dijadikan sebagai hujah dan dalil.

(6) Imam Bukhāri juga boleh jadi tidak mengemukakan mana-mana ḥadīts kerana ḥadīts berkaitan dengan kelebihan ilmu sangat banyak jumlahnya dan tidak sesuai mengkhususkan kelebihan ilmu dengan hanya beberapa ḥadīts sahaja.

(7) Mungkin juga Imam Bukhāri bermaksud menguji dan mencabar para pembaca Kitab Shāhīhnya demi mengasah dan menajamkan fikiran mereka (تشحينا للأذهان) dengan berusaha mencarinya sendiri.

(8) Boleh jadi juga Imam Bukhāri mahu mengisyaratkan bahawa semua ḥadīts-ḥadīts yang terdapat di bawah bab-bab seterusnya boleh juga dijadikan bukti bagi kelebihan ilmu.

⁷ Tajuk bab sebelum ini menitikberatkan tentang kelebihan ilmu dan keluasannya, namun ia tidak akan diperolehi tanpa adanya soal jawab dengan kepelbagai bentuknya.

Ketiadaan sifat curiga dan ingin tahu tentang sesuatu akan membantu perkembangan ilmu, sekiranya kelebihan ilmu telah diketahui sebagaimana yang dinyatakan dalam bab sebelum ini, tentunya seseorang itu akan bertanya-tanya: “Bagaimanakah saya ingin mendapatkan kelebihan-kelebihan itu?”, maka sesuaialah dengan tajuk bab ini dan haditsnya yang menceritakan tentang cara-cara untuk mendapatkan ilmu berserta segala kelebihannya. Ia adalah dengan cara bertanya dengan penuh disiplin.

Imam Bukhāri juga ingin menyatakan bahawa kepandaian bertanya juga merupakan sebahagian daripada ilmu, ia dapat dilihat dalam tindakan Nabi s.a.w. terhadap persoalan yang diajukan kepadanya oleh seorang A`rābi (badwi).

Untuk memikul amanah yang berisiko membawa masyarakat kepada kemusnahan, seseorang mestilah terlebih dahulu mempunyai ilmu dan kelayakan. Keadaan ini juga secara tidak langsung menunjukkan kebesaran dan kelebihan ilmu.

Adapun perkaitan bab ini dengan bab selepasnya pula, maka ia terletak pada adanya perbezaan di antara ilmu-ilmu dari sudut kepentingan dan keutamannya. Ada ilmu yang tidak boleh dinantikan soalan terlebih dahulu barulah dikemukakan jawapannya. Seperti dalam bab akan datang nanti, Nabi s.a.w. menunjukkan tindakannya yang tegas dalam perkara-perkara yang amat perlu diberikan perhatian. Baginda s.a.w. menyampaikan ilmu tanpa didahului soalan dan itu pun dengan suara yang tinggi.

Ada pula ilmu yang boleh ditangguhkan jawapannya, tidak perlu diberikan jawapan yang segera kepada yang bertanya.

Telah masyhur di kalangan pensyarah-pensyarah Shāfi`ī Bukhāri bahawa sekurang-kurangnya terdapat empat tujuan Imam Bukhāri mengadakan tajuk bab ini, dan ia adalah seperti berikut:

(1) Kebanyakan pensyarah Shāfi`ī Bukhāri berpendapat, tujuan Imam Bukhāri mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyatakan bahawa tidak semua soalan yang dikemukakan perlu dijawab dengan segera.

Sebelum mengemukakan hadits yang sama, Imam Ibnu Ḥibbān di dalam Kitab Shāfi`īnya telah mengadakan satu tajuk bab, begini adanya:

ذُكْرُ الْخَبِيرِ الدَّالِلِ عَلَى إِبَاخَةِ إِغْفَاءِ الْمَسْؤُلِ عَنْ إِجَابَةِ السَّائِلِ عَلَى الْفَوْرِ

(Sebutan hadits yang menunjukkan keharusan orang yang ditanya tidak menjawab dengan segera pertanyaan tentang sesuatu ilmu oleh orang yang bertanya). (Lihat Shāfi`ī Ibnu Ḥibbān j.1 m/s 307).

Apa yang difahami Ibnu Ḥibbān daripada hadits berkenaan ialah orang yang ditanya tentang sesuatu ilmu tidak salah apabila ia tidak memberi jawapan segera kepada penanya.

Para ‘ulama’ boleh dikatakan bersepakat tentang tidak salahnya melewatkhan jawapan kepada orang yang bertanya dalam perkara-perkara yang tidak menuntut jawapan segera. Dalam kes yang menuntut jawapan segera pula tidak harus dilewatkhan jawapan kepada pihak yang bertanya. Malah jawapan yang segera perlu diberikan kepadanya. Jika tidak akan terlepas waktunya.

Sebagai contohnya, orang yang sedang hendak melontar jamrah bertanya tentang masalah yang berkaitan dengan jamrah, soalannya mestilah dijawab dengan segera, jika tidak masa melontarnya akan terlepas.

Nabi s.a.w. sendiri telah menunjukkan contoh dalam perkara yang menuntut jawapan segera. Imam Muslim, an-Nasa'i dan lain-lain meriwayatkan bahawa:

قَالَ أَبُو رِفَاعَةَ اتَّهَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَخْطُبُ قَالَ فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ رَجُلٌ غَرِيبٌ جَاءَ يَسْأَلُ عَنْ دِينِهِ لَا يَدْرِي مَا دِينُهُ قَالَ فَأَقْبَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَتَرَكَ حُطْبَتَهُ حَتَّى اتَّهَى إِلَيَّ فَأَتَيْتُ بِكُوسِيِّ حَسِيبَتْ قَوَائِمَهُ حَدِيدًا قَالَ فَقَعَدَ عَلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَجَعَلَ يُعْلَمُنِي مِمَّا عَلَمَهُ اللَّهُ ثُمَّ أَتَى حُطْبَتَهُ فَأَتَتْهُ آخِرَهَا

Bermaksud: Kata Abu Rifa'ah, aku sampai kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda sedang berkhutbah. Lalu aku berkata, "Wahai Rasulallah! (saya) seorang lelaki asing datang (untuk) bertanya tentang agamanya. Dia tidak tahu apa agamanya." Kata perawi, "maka datanglah Nabi s.a.w. kepadaku dengan meninggalkan khutbahnya, sehingga beliau sampai dekatku. Maka dibawakan kerusi untuk beliau. Aku rasa kaki kerusi itu diperbuat daripada besi." Kata perawi, "Maka duduklah Rasulullah s.a.w. di atas kerusi itu. Beliau s.a.w. terus mengajarku apa yang Allah telah ajarkan kepadanya. Kemudian beliau kembali berkhutbah hingga ke akhirnya."

(2) Shah Waliyyullah menukilkan pendapat gurunya Syeikh Abu Thāhir al-Madani berkenaan dengan maksud dan tujuan Imam Bukhāri mengadakan tajuk bab ini. Kata Syeikh Abu Thāhir, "Maksudnya ialah melewatkannya jawapan bagi soalan yang dikemukakan untuk menyelesaikan perbincangan yang sedang berlaku, tidak termasuk dalam bab menyembunyikan ilmu yang diancam oleh nabi di dalam ḥadīts-ḥadītsnya. Antaranya ḥadīts ini:

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ، فَكَتَمَهُ الْجَمَهُرُ اللَّهُ بِلِجَامِ مِنْ نَارِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: Sesiapa ditanya tentang sesuatu ilmu, lalu ia menyembunyikannya, niscaya Allah mengekangnya dengan kekang daripada api (neraka) di hari kiamat nanti. (Ḥadīts riwayat Abu Daud, Aḥmad, Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ibnu Ḥibbān).

Bahkan erti menyembunyikan ilmu itu ialah tidak menjawab langsung dan melewatkannya jawapan sehingga terlepas waktunya." (Lihat Shah Waliyyullah - Syarah Tarājim Abwāb al-Bukhāri m/s15).

(3) Maksud Bukhāri mengadakan tajuk bab ini ialah mengajar adab kepada orang yang berilmu (orang alim) dan menyatakan bahawa jika ia ditanya ketika sedang sibuk dengan sesuatu kerja, maka tidak perlulah ia marah dan mengherdik orang yang bertanya. Dia boleh saja meneruskan kerjanya. Setelah selesai kerja barulah dijawab soalan orang yang bertanya, seperti telah dilakukan oleh rasulullah sendiri berdasarkan ḥadīts ke-59 di bawah bab ini. Perbuatan seperti itu tidak melanggar kesopanan, tidak salah dan tidak juga berdosa.

Bagaimanapun ia tertaluk kepada soalan yang dikemukakan dan sejauh mana keperluan orang yang bertanya kepada jawapan bagi soalannya. Jika soalannya berkait dengan perkara akidah yang wajib atau perkara fardhu yang akan terlepas waktunya, maka perlulah diberikan segera jawapan. Jawapan bagi soalan-soalan yang berkait dengan perkara-perkara sunat pula tidaklah perlu disegerakan.

(4) Menerusi tajuk bab ini Imam Bukhāri juga mahu mengajar adab kepada para pelajar. Pelajar hendaklah pandai membaca keadaan guru. Ketika guru sedang sibuk

٥٩ – حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ، قَالَ: حَدَّثَنَا فُلَيْحٌ، حَوْدَثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ، قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ فُلَيْحٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَيْ قَالَ: حَدَّثَنِي هَلَالُ بْنُ عَلَيٌّ، عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ، عَنْ أَيِّ هُرَيْزَةَ قَالَ: بَيْنَمَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي مَجْلِسٍ يُحَدِّثُ الْقَوْمَ، جَاءَهُ أَعْزَابِيُّ فَقَالَ: مَتَى السَّاعَةُ؟ فَمَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحَدِّثُ، فَقَالَ بَعْضُ الْقَوْمِ: سَمِعْ مَا قَالَ فَكَرِهَ مَا قَالَ. وَقَالَ بَعْضُهُمْ: تَلَمْ يَسْمَعْ، حَتَّى إِذَا قَضَى حَدِيثَهُ قَالَ: «أَيْنَ – أُرَاهُ – السَّائِلُ عَنِ السَّاعَةِ» قَالَ: هَا أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: «إِذَا صُبِّيَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ»، قَالَ: كَيْفَ إِصْبَاعُهَا؟ قَالَ: «إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَى غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ».

[Lihat athrāf ḥadīts ke-59 ini pada: 6496].

59 – Muḥammad bin Sinān⁸ meriwayatkan kepada kami, katanya, Fulaiḥ⁹ meriwayatkan kepada kami, (ح), Ibrahim bin al-Mundzir¹⁰ (juga) meriwayatkan

dengan sesuatu, janganlah pada masa itu dikemukakan soalan. Jika soalan tidak dilayan, janganlah pula terkilan.

Bagaimanapun semuanya bergantung kepada kemosykilan yang timbul. Jika kemosykilannya berkenaan dengan perkara wajib yang tidak boleh ditangguh-tangguh dan tidak boleh dilewatkan, maka ketika guru sibuk sekalipun ia boleh juga bertanya. Guru pula dalam keadaan itu hendaklah terus menjawab.

⁸ **Biodata Muḥammad bin Sinān**

Muḥammad bin Sinān al-Bāhili al-‘Aufi al-Bashri. Abu Bakr adalah kuniahnya. Imam Bukhāri, Abu Daud, dan Abu Ḥātim ar-Rāzi meriwayatkan ḥadīts daripadanya.

Kata Yahya bin Ma`īn, “Tsiqah, ma’mūn.” Abu Daud, Nasā'i dan Ibnu Mājah meriwayatkan ḥadīts daripadanya dengan perantaraan seseorang. Beliau meninggal dunia pada tahun 223H.

⁹ **Biodata Fulaiḥ**

Beliau ialah Fulaiḥ bin Sulaiman bin Abi al-Mughīrah iaitu Ḥunain anak saudara ‘Ubaid bin Ḥunain al-Khuzā’i al-Madani. Nama sebenar Fulaiḥ ialah ‘Abdul Malik. Fulaiḥ itu laqabnya (nama gelarannya), dan beliau lebih terkenal dengan laqabnya. Kuniahnya ialah Abu Yaḥya.

Beliau meriwayatkan daripada Nāfi' dan ramai lagi perawi lain. ‘Abdullah bin Wahab, Yahya al-Wuhāzhi, Ibnu A`yan, Syuraiḥ bin an-Nu`mān dan lain-lain adalah antara orang yang meriwayatkan daripadanya.

Kata Yahya bin Ma`īn, “Dia dha’if. Alangkah dekat kedudukannya dengan Ibnu Abi Uwais. Menurut satu riwayat lain daripada Yahya bin Ma`īn, beliau dinukilkhan berkata tentang Fulaiḥ, “Tidak kuat dan tidak boleh dijadikan hujah.” Abu Ḥātim dan an-Nasā'i juga mengatakan dia tidak kuat.

Ibnu ‘Adi pula berkata, “Bagiku, tidak mengapa dengannya. Bukhāri menerima riwayatnya untuk Kitab Shahīhnya. Zaid bin Abi Unaishah juga meriwayatkan daripadanya selain Bukhāri, Muslim, Abu Daud dan Tirmidzi. Kata al-Ḥākim,

kepada kami, katanya, Muḥammad bin Fulaiḥ¹¹ meriwayatkan kepada kami, katanya, ayahku (Fuaiḥ) telah meriwayatkan kepadaku, katanya, Hilāl bin ‘Ali¹² meriwayatkan kepadaku daripada ‘Athā’ bin Yasār daripada Abi

“Kesepakatan Bukhāri dan Muslim dalam meriwayatkan ḥadīts-ḥadīts usul mereka di dalam kitab Shahīḥ mereka menguatkan kedudukannya. Hati lebih cenderung menta’ dilkannya. Fulaiḥ meninggal dunia pada tahun 168H.

¹⁰ Biodata Ibrahim bin al-Mundzir

Beliau ialah Ibrahim bin al-Mundzir bin ‘Abdillah bin al-Mundzir bin al-Mughīrah bin ‘Abdillah bin Khālid bin Ḥizām bin Khuwailid al-Qurasyi al-Ḥizāmi al-Madani. Kuniahnya Abu Ishaq.

Selain Bukhāri, Abu Ḥātim, Abu Zur’ah, Ibnu Majah dan lain-lain meriwayatkan ḥadīts secara langsung daripadanya. Imam Bukhāri juga meriwayatkan daripadanya dengan perantaraan Muḥammad bin Ghālib. Imam an-Nasā’i juga meriwayatkan ḥadīts daripadanya dengan perantaraan seseorang.

Ibrahim bin al-Mundzir merupakan salah seorang perawi Sunan at-Tirmidzi. An-Nasā’i berkata tentangnya, “Tidak mengapa dengannya.” Ibrahim meninggal dunia pada tahun 236H.

¹¹ Biodata Muḥammad bin Fulaiḥ

Muḥammad bin Fulaiḥ ialah anak perawi yang telah tersebut dalam saluran sanad pertama sebelum ini. Beliau meriwayatkan ḥadīts daripada Ḥisyām bin ‘Urwah dan lain-lain. Hārūn bin Musa al-Farawi dan lain-lain pula adalah antara orang yang meriwayatkan ḥadīts daripadanya. Imam Bukhāri, an-Nasā’i dan Ibnu Majah meriwayatkan ḥadīts-ḥadītsnya.

Ibnu Ma’īn menganggapnya perawi yang lemah. Abu Ḥātim berkata tentangnya, “Tidak mengapa dengannya, tetapi ia tidak kuat (lemah).” Muḥammad bin Fulaiḥ meninggal dunia pada tahun 197H.

¹² Biodata Hilāl bin ‘Ali

Hilāl bin ‘Ali bin Usāmah al-Fihri al-Qurasyi al-Madani. Ia dipanggil juga Hilāl bin Abi Maimūnah, Hilāl bin Abi Hilāl dan Hilāl bin Usaamah. Usāmah adalah datuknya. Sesetengah orang terkeliru sehingga menganggap mereka empat orang yang berlainan. Padahal sebenarnya ia adalah orang yang sama. Imam Malik menamakannya Hilāl bin Abi Usāmah. Usāmah bin Zaid al-Laitsi juga turut menamakannya demikian.

Selain meriwayatkan daripada Anas, beliau juga meriwayatkan daripada ‘Abdur Rahman bin Abi ‘Amrah, Athā’ bin Yasār, Abu Salamah bin ‘Abdir Rahman bin ‘Auf dan lain-lain.

Orang-orang yang meriwayatkan daripadanya pula ialah Ziād bin Sa’ad, Sa’id bin Abi Hilāl, ‘Abdul ‘Aziz bin al-Mājisyun, Fulaiḥ bin Sulaiman, Malik bin Anas, Yahya bin Abi Katsīr dan lain-lain.

Hilāl bin ‘Ali terbilang sebagai salah seorang Tābi’īn kecil. Gurunya dalam meriwayatkan ḥadīts ini pula terdiri dari kalangan Tābi’īn pertengahan. Kata Abu Ḥātim, “Ḥadītsnya boleh ditulis, dia seorang syeikh.” Hilāl bin ‘Ali meninggal dunia

Hurairah, katanya, ketika Nabi s.a.w. sedang mengajar orang ramai dalam satu majlis, tiba-tiba datang kepada Baginda s.a.w. seorang lelaki pedalaman (a'rābi). Dia lantas bertanya: "Bila kiamat akan berlaku?". Rasulullah s.a.w. terus berbicara. Sebahagian daripada orang ramai berkata: "Nabi s.a.w. mendengar apa yang ditanyai orang itu, tetapi tidak suka kepada pertanyaannya.¹³ Sebahagian yang lain pula berkata: "Bahkan Baginda s.a.w. tidak mendengarnya. Sehinggalah Nabi s.a.w. menghabiskan ceritanya.¹⁴

di penghujung pemerintahan Hisyām bin `Abdil Malik. Dan tahun terakhir pemerintahan Hisyām ialah 125H.

¹³ Daripada peristiwa ini dapat kita ketahui adab dan ilmu para Shāhabat yang telah lama bersama Nabi s.a.w., mereka mengetahui bahawa soalan orang a'rābi itu didengari Baginda, cuma tidak dijawabnya kerana pertanyaan itu tidak kena dengan tempat dan masanya.

Daripada peristiwa ini juga diketahui bahawa kepandaian bertanya itu sendiri sudah merupakan sebahagian daripada ilmu. Kepandaian memutuskan di mana sepatutnya dikemukakan soalan menunjukkan seseorang itu telah mempunyai pengetahuan tentang adab dan disiplin ilmu.

Ada Shāhabat menyimpan soalan yang ingin ditanya selama dua tahun, ada pula yang ingin menanyakan sesuatu tetapi merasakan ia tidak begitu perlu, lalu bertanya Shāhabat yang lain sahaja tentangnya.

¹⁴ Mengapakah Nabi s.a.w. tidak terus menjawab orang yang bertanya di sini, sedangkan ada di dalam ḥadīts yang lain Baginda s.a.w. sedang berkhutbah, tiba-tiba ada orang datang bertanya, maka Baginda s.a.w. dengan segera menjawabnya?

Tingkah laku Rasulullah s.a.w. ini menunjukkan tidak semua soalan yang ditanya perlu diberikan jawapan dengan segera dan orang yang bertanya pula tidak boleh terkilan dengan soalannya yang diabaikan itu.

Soalan tidak dijawab Rasulullah s.a.w. dengan segera kerana beberapa sebab:

- (1) Jawapannya masih belum sesuai dengan orang yang bertanya.
- (2) Jawapan bagi semua soalan tidak mesti diberikan segera.
- (3) Soalan yang dikemukakan tidak lebih penting daripada perkara yang sedang dibicarkan.
- (4) Perkara yang ditanya ialah perkara yang tidak wajib diketahui. Kalau tidak mengetahuinya pun tidak mengapa.

Oleh kerana Nabi s.a.w. adalah seorang utusan Allah, maka sekiranya soalan yang dikemukakan memang memerlukan jawapan segera, tentulah Baginda tidak akan berlengah-lengah dalam menjawabnya.

Ḥadīts ke-59 ini jelas menunjukkan Rasulullah s.a.w. tidak terus menjawab soalan orang yang bertanya. Walau bagaimanapun Baginda tidak mengherdik orang yang bertanya dan tidak juga memarahinya, cuma soalannya sahaja tidak dijawab untuk seketika.

Ketika itu barulah Baginda s.a.w. bertanya: “Di mana – saya fikir –¹⁵ orang yang bertanya tentang kiamat tadi?”¹⁶ Orang itu menyahut: “Saya wahai

Sebabnya ialah persoalan tentang hari kiamat secara terperinci dan bilakah ia akan berlaku dengan tepat tidak wajib diketahui oleh setiap orang Islam. Apa yang wajib dipercayai hanyalah tentang kewujudannya yang akan tiba pada suatu hari nanti.

Seorang guru yang menyembunyikan jawapan daripada seorang murid juga tidak bererti dia tergolong dalam golongan orang yang disebutkan dalam sabda Nabi s.a.w. ini:

مَنْ سُئِلَ عَنْ عِلْمٍ، فَكَتَمَهُ الْجَمَهُورُ بِإِجَامٍ مِّنْ نَارٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Bermaksud: Orang yang ditanya tentang sesuatu ilmu, tetapi ia menyembunyikannya, akan dikekang oleh Allah dengan kekang daripada api neraka pada hari kiamat nanti. (Hadīts riwayat Abu Daud, Ahmad, Tirmidzi, Ibnu Majah dan Ibnu Ḥibbān).

Kerana maksud daripada ilmu yang dilarang menyembunyikannya ialah ilmu yang diperlukan oleh seseorang pada ketika itu atau ilmu fardhu ‘ain.

¹⁵ Rangkai kata “saya fikir” atau di dalam teks asalnya "أَرَاهُ" yang berada di antara dua tanda sengkang ini merupakan sisipan perawi (مَدْرَجٌ مِّنَ الرَّاوِي) yang menyatakan keraguannya terhadap lafadz yang sebenar dan yang tepat telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. berdasarkan apa yang diterimanya daripada perawi di atasnya.

Kata "أَرَاهُ" juga boleh diterjemahkan dengan “saya rasa”. Perawi yang ragu di sini ialah Muhammad bin Fulaiḥ. Sebabnya ialah murid-murid Fulaiḥ yang lain semuanya meriwayatkan tanpa menyatakan keraguan seperti itu.

Pernyataan keraguan seperti ini tidak dianggap para ‘ulama’ hadīts sebagai suatu kekurangan dan kelemahan perawi, malah ia bagi mereka menunjukkan sikap cermat dan amanahnya seseorang perawi.

Sering kali berlaku apabila guru hanya menyebutkan nama perawi tanpa nama bapanya, murid-murid akan berkata: يعني ابن فلان (maksudnya ialah anak si fulan), dengan tujuan menjelaskan “bin fulan” yang tersebut itu adalah tambahan daripada murid, bukan keterangan asal guru.

Semua ini dilakukan dalam periyatan hadīts secara jujur dan sebagai langkah bercermat. Ia tidak menunjukkan perawi pelupa atau tidak cermat dalam menerima hadīts. Sebaliknya menunjukkan perawi adalah seorang yang amanah, tidak menyembunyikan fakta dan tidak segan-segan menyatakan keraguannya dalam keadaan ada sebarang keraguan.

Keraguan yang berlaku kepada mana-mana perawi dapat dipastikan dengan melihat riwayat-riwayat mutāba`atnya. Riwayat-riwayat mutāba`at tanpa keraguan pula akan menampung sedikit sebanyak kekurangan yang terdapat pada riwayat asal.

¹⁶ Perbuatan Nabi s.a.w. ini menunjukkan bahawa beliau menggalakkan pertanyaan dalam pembelajaran, kerana pertanyaan menunjukkan adanya minat dan perasaan ingin tahu pada pelajar.

Pertanyaan seseorang juga menunjukkan ada niat dan hajatnya terhadap perkara yang ditanya, boleh jadi juga kefahamannya berkaitan dengan perkara yang ditanyakan itu tidak begitu jelas, kerana itu adalah tidak wajar mengherdik dan memarahi orang yang

ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang sesuatu masalah yang mengganggu fikirannya.

Langkah bertanya itu juga bersesuaian dengan ḥadīts berhubung dengan kematian seorang Shaḥabat, akibat orang-orang yang menyuruhnya mandi untuk mengangkat hadats besar ketika sahabat berkenaan mengalami luka tidak bertanya cara-cara mengangkat hadats besar dalam keadaan itu. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda:

اللَّهُ يَكْنُ شَفَاعَ الْعَيْنِ السُّؤَالَ

Bermaksud: Bukankah penawar kejahanan itu bertanya? (Ḥadīts riwayat Aḥmad, Abu Daud, Ibnu Majah, `Abdur Razzāq, at-Thabarāni, al-Ḥākim dan lain-lain).

Contoh ḥadīts bagi soalan yang sama tetapi jawapannya berlainan

Soalan seperti ini sebenarnya telah dikemukakan kepada Rasulullah s.a.w. oleh beberapa orang sahabat. Jawapan rasulullah terhadap soalan yang lebih kurang sama itu adalah dengan melihat kepada maksud sebenar soalan dikemukakan.

Sebagai contoh, apabila Jibril a.s. datang dalam rupa seorang asing yang tidak dikenali sesiapa pun dari kalangan peserta, lalu beliau a.s. bertanya: مَتِ الْسَّاعَةُ؟ (Bilikah akan berlaku kiamat?), Nabi s.a.w. memahami bahawa soalan itu bertanyakan tentang waktunya sebenar berlakunya kiamat. Kerana itulah Baginda s.a.w. bersabda: مَا الْمَسْؤُلُ بِأَعْلَمَ مِنَ السَّائِلِ (Tidaklah orang yang ditanya lebih mengetahui daripada orang yang bertanya).

Apabila ditanya oleh orang `Arab pedalaman (a`rābi) di dalam ḥadīts ke-59 ini, Nabi s.a.w. memahami soalan itu bertanyakan tentang tanda-tanda kiamat telah hampir. Kerana itulah Baginda menjawab dengan mengemukakan salah satu alamat kiamat telah hampir.

Setelah dikemukakan soalan yang sama oleh seseorang dalam peristiwa yang lain pula, Nabi s.a.w. bertanya kembali kepadanya, “Apakah yang kamu persiapkan untuknya?” Jawab yang bertanya, “Sembahyang saya tidaklah seberapa, puasa saya juga tidak seberapa. Tetapi saya sayang kepada Allah dan RasulNya.” Maka lantas Baginda bersabda: الْمَؤْمُنُ مَعَ مَنْ أَحْبَبَ (seseorang itu akan bersama orang yang disayanginya). (Ḥadīts riwayat Aḥmad, Tirmidzi, Ibnu Ḥibbān dan lain-lain).

Soalan bila kiamat oleh orang yang bertanya di dalam ḥadīts ini difahami Rasulullah s.a.w. sebagai pertanyaan tentang apa yang perlu disediakan sebelum hari kiamat untuk kebahagian selepas hari kiamat.

Apabila soalan yang sama ditanyakan oleh orang lain pula, Nabi s.a.w. menjawab soalannya dengan bersabda: إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَقَدْ قَامَتْ قِيَامَتُهُ (Apabila mati seseorang, bererti telah berlakulah kiamatnya). (Ḥadīts riwayat Ibnu Lāl di dalam Makārimul Akhlāq, Ibnu Abi ad-Dunya di dalam Kitab al-Maut dan ad-Dailami di dalam Zahrul Firdaus). ḥadīts ini walaupun dha`if sanadnya, tetapi tidaklah ia terlalu dha`if, ma`nanya pula shahīh, bahkan ada beberapa syawahidnya di dalam Shafīh Bukhāri dan Shafīh Muslim. Antaranya ḥadīts `Aaishah di bawah ini, kata beliau:

كَانَ الْأَعْرَابُ إِذَا قَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلُوهُ عَنِ السَّاعَةِ: مَتَّ السَّاعَةُ؟ فَنَظَرَ إِلَى أَحَدِهِمْ إِنْسَانٍ مِنْهُمْ فَقَالَ: "إِنْ يَعْشُ هَذَا، لَمْ يُدْرِكْهُ الْهَرَمُ، قَامَتْ عَلَيْكُمْ سَاعَتُكُمْ".

Rasulallah". Rasulullah s.a.w. pun bersabda: "Apabila amanah¹⁷ disia-siakan, maka tunganlah kiamat".¹⁸ Orang itu bertanya lagi: "Bagaimana disia-siakan

Bermaksud: Apabila orang-orang pedalaman 'Arab datang kepada Rasulullah s.a.w., mereka bertanya Baginda tentang kiamat, "Bila kiamat?" Nabi s.a.w. pun melihat kepada orang yang paling muda di antara mereka seraya bersabda: "Kalau dia hidup, dia tidak akan sampai tua pun, (ketika itu pun) telah berlaku kiamat kepada kamu." (Hadits riwayat Muslim, 'Abd bin Humaid dan Ibnu Abi Syaibah).

Maksud hadits ini ialah pada ketika itu semua kamu telah pun mati. Bukan kiamat sebenar telah berlaku.

Seolah-olahnya soalan itu bertanyakan tentang bilakan balasan amalan diterima oleh seseorang, adakah selepas beraku kiamat sebenar atau kiamat besar atau bagaimana? Jawapannya ialah pembalasan amalan sama ada baik atau buruk mulai berlaku sebaik sahaja seseorang meninggal dunia.

¹⁷ Amanah menurut erti biasanya ialah sesuatu yang dipercayakan kepada seseorang atau diserahkan kepadanya untuk disimpan dan dijaga, atau kepercayaan yang diletakkan pada seseorang. Dengan itu setiap orang yang bekerja, berjawatan, berpangkat, ibu, bapa, guru, murid, pemimpin, rakyat dan lain-lain semuanya adalah pemegang amanah tersendiri.

Amanah tidak boleh diserahkan kepada bukan ahlinya, iaitu orang yang tidak berkelayakan dan tidak dapat menjaganya dengan baik. Ia bersesuaian dengan Firman Allah ini:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil... (an-Nisā':58)

Boleh jadi amanah yang tersebut di dalam hadits ini bererti amanah agama yang dinyatakan di dalam firman Allah:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَن يَحْمِلُنَّهَا وَسَقَفَنَ مِنْهَا وَمَحْلَلَهَا إِلَيْنَا وَكَانَ ظَلُومًا

جَهْوَلٌ

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan (al-Ahzāb:72)

Amanah agamalah yang diserahkan Allah kepada manusia. Merekalah yang dibebankan dengan iman dan segala tanggungjawab keagamaan yang lain.

Selain dari amanah menjaga agama, manusia yang beriman diamanahkan juga untuk menjaga dunia, kerana adanya orang-orang yang beriman di dunia ini seperti adanya ruh pada tubuh manusia. Apabila ketiadaan ruh, tubuh akan mereput dan binasa. Amanah dengan ma`na mu'min yang diberikan amanah agama ini, sesuai dengan ḥadīts Nabi s.a.w. berikut:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ عَلَىٰ أَحَدٍ يَقُولُ اللَّهُ اللَّهُ

Bermaksud: “Kiamat tidak akan terjadi selagi ada seseorang berkata: Allah, Allah.” (Ḥadīts riwayat Muslim, Aḥmad, Ibnu Ḥibbān, ‘Abdur Razzāq, ‘Abd bin Ḥumaid dan lain-lain).

Langit, bumi, haiwan melata, bukit-bukau dan gunung-ganang bahkan malaikat sendiri pun tidak layak menanggung amanah ini, kerana mereka makhluk yang tidak terikat dengan dosa pahala, baik buruk dan balasannya, kerana itulah mereka tidak layak menanggung amanah untuk menjaga agama.

Manusia juga disebut sebagai satu makhluk yang menzalimi dan menganiaya, tetapi pada hakikatnya manusia menganiayai dirinya sendiri kerana ia sedar tentang amanah kepada Tuhanya, dan hubungannya dengan Tuhan seperti hubungan kekasih yang tidak melihat berat atau ringannya tanggungjawab yang akan dipikul, tetapi melihat kepada apakah yang dikehendaki dan dipinta oleh kekasih hatinya.

Kerana itulah orang yang tidak beriman melihat orang-orang mu'min seolah-olah menzalimi diri mereka sendiri dengan ibadat-ibadat dan `amal kebajikan yang kalau mereka tidak melakukannya pun mereka boleh hidup dengan aman damai.

Amanah juga bererti fitrah, iaitu fitrah semulajadi kemanusiaan, seperti suka melakukan perkara yang baik dan tidak suka pada perkara yang buruk, memberi makan, menghubungkan silatur rahim, berkata benar dan lain-lain. Semuanya adalah perkara yang baik menurut fitrah manusia.

Begitu juga sebaliknya, melakukan kezaliman, memutuskan silatur rahim, berkelakuan jahat, berdusta dan sebagainya dianggap oleh manusia sebagai perkara yang tidak baik menurut fitrahnya. ḥadīts yang menyokong ta'wilan amanah dengan erti ini ialah sabda Nabi s.a.w.:

إِنَّ الْأَمَانَةَ نَزَّلْتُ فِي جُذُرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ ثُمَّ نَزَّلَ الْقُرْآنَ

Bermaksud: Amanah turun ke pangkal hati manusia (terlebih dahulu), kemudian (barulah) turun al-Qur'an.

Ini bererti Allah menjadikan fitrah terlebih dahulu di dalam hati manusia yang menjadikannya inginkan kebenaran, kebaikan, kebahagiaan dan takutkan keburukan, kesedihan, kebimbangan dan sebagainya.

Fitrah manusia yang asal sekiranya tidak terganggu akan mudah menerima wahyu al-Qur'an, tetapi kalau fitrahnya sudah tercemar dan rosak, maka akan sukarlah kepadanya menerima wahyu.

Kerosakan fitrah akan membawa kemasuhanan dan kehancuran kepada kemanusiaan. Anda dapat melihat contohnya, apabila fitrah tidak boleh berkahwin sesama ahli keluarga dan sesama jantina ditinggalkan, maka musnahlah sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan.

amanah itu?” Nabi s.a.w. menjawab: “Apabila diserahkan amanah kepada orang yang tidak berkelayakan, maka tunggulah kiamat!”¹⁹

Walaupun terdapat banyak erti amanah, dan masing-masing daripadanya memang digunakan dalam istilah agama Islam, tetapi amanah yang tersebut di dalam ḥadīts ini lebih menunjukkan kepada jawatan, pangkat atau kedudukan yang diberi dan diserahkan kepada seseorang.

Daripada setinggi-tingginya sampailah serendah-rendahnya. Baik dalam institusi kerajaan atau bukan kerajaan. Sama ada sebagai seorang raja, presiden, perdana menteri, mufti, pengurus dan sebagainya, hingga kepada ahli jawatankuasa biasa atau penghulu kampung.

Ketika menyebutkan “Apabila disia-sikan amanah, maka tunggulah kiamat”, Nabi s.a.w. sebenarnya telah memaksudkan erti itu, tetapi ia masih tidak jelas kepada penanya. Apabila ia meminta penjelasan lanjut, Baginda menyebutkan dengan terang bahawa amanah yang dimaksudkan ialah jawatan, pangkat atau kedudukan. Apabila ia diserahkan kepada orang yang tidak berkelayakan, maka tunggulah kiamat!

Dalam banyak-banyak alamat kiamat, Rasulullah s.a.w. telah menyebutkan yang itu, memandangkan kuasa merupakan salah satu faktor terbesar dalam mema`murkan atau menghancurkan sesebuah masyarakat dan negara.

Pemimpin yang baik dan berkelayakan akan membawa ra`yat atau pengikutnya ke arah kemajuan dan kejayaan. Sementara pemimpin yang jahat dan tidak berkelayakan pula akan membawanya ke arah kemunduran dan kemasuhan.

¹⁸ Nabi s.a.w. tidak menjawab dengan menceritakan semua tanda-tanda kiamat, kerana banyak tanda-tandanya dan dengan mengetahui satu sahaja pun sudah memadai, walaupun terdapat banyak ḥadīts-ḥadīts tentang alamat-alamat kiamat itu.

Jawapan yang diberikan oleh Nabi s.a.w. di sini meskipun satu sahaja namun ia umum, sehingga boleh dikatakan kepada segala perkara yang disia-sikan dan tidak diletak pada orang yang sepatutnya. Semua perkara yang diserahkan kepada orang yang tidak berkelayakan akan menemui kemasuhan dan kehancuran akhirnya.

Kiamat di sini pula boleh jadi bermaksud kiamat yang besar dan boleh jadi juga kiamat kecil dengan erti kehancuran atau kematian, seperti tersebut di dalam ḥadīts yang diriwayatkan oleh ad-Dailami bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِذَا مَاتَ أَحَدُكُمْ فَقَدْ قَامَتْ قِيَامَةُ اللَّهِ

Bermaksud: Apabila seseorang daripada kamu meninggal dunia, maka (itu bererti) telah tiba lah kiamatnya.

Kesesuaian ḥadīts ke-59 ini dengan tajuk babnya terletak pada kata perawi: **چاءةُ أَعْرَابِيٌّ**? Bermaksud: tiba-tiba datang kepada Baginda s.a.w. seorang lelaki pedalaman (a'rābi). Dia lantas bertanya: “Bila kiamat akan berlaku?”.

¹⁹ Antara pengajaran, pedoman, panduan dan hukum-hakam yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:

(1) Ilmu bertambah dan berkembang dengan adanya soal jawab.

٣ - بَابُ مِنْ رَفَقِ صَوْنَةِ بِالْعِلْمِ

Bab (3): Orang Yang Mengangkat Suaranya Untuk Menyampaikan Ilmu.²⁰

-
- (2) Setiap soalan tidak perlu dijawab dengan segera. Guru yang tidak memberi jawapan dengan segera tidak boleh terus dianggap sombong dan ia tidak termasuk dalam kalangan orang yang menyembunyikan ilmu.
- (3) Perlu adanya kebijaksanaan guru dalam menjawab atau tidak menjawab soalan, kerana terdapat pelbagai cara menjawab soalan, sesuai dengan keadaan orang yang bertanya. Antaranya ialah:
- (a) Tidak perlu dijawab segera.
 - (b) Perlu dijawab segera.
 - (c) Ada soalan yang memang tidak perlu dijawab langsung.
 - (d) Ada yang perlu dijawab sebahagian sahaja, sesuai dengan keperluan orang yang bertanya.
 - (e) Ada yang perlu diberikan jawapan penuh berserta perinciannya.
 - (f) Ada jawapan yang diperlukan hanya ringkas, padat dan menyampaikan maksud sahaja.
 - (g) Menjawab lebih daripada apa yang ditanya, kerana ada faedah dan maksud di sebalik jawapan yang lebih itu.
 - (h) Jawapan dengan isyarat semata-mata.
- (4) Pada dasarnya pelajar tidak elok mengemukakan sesuatu soalan ketika gurunya sedang sibuk mengajar orang ramai atau sedang bercakap dengan seseorang, ia seharusnya menunggu sehingga gurunya selesai mengajar atau bercakap dengan orang itu.
- (5) Sesuatu soalan juga sekiranya boleh dijawab, eloklah dijawab dengan segera.
- (6) Dalam keadaan orang yang ditanya sedang sibuk mengajar, berbincang atau melakukan sesuatu pekerjaan, tidak perlulah ia berhenti untuk menjawab dengan segera apa yang ditanya. Ia boleh saja meneruskan pekerjaannya. Setelah selesai semuanya barulah jawapan diberikan.
- (7) Guru tidak sepatutnya terus marah kepada murid yang mencelah dengan pertanyaan ketika ia sedang berbicara atau mengajar.
- (8) Guru hendaklah terus berlembut dengan murid, walaupun murid kelihatan kurang beradab kerana kejahlannya.
- (9) Orang yang berurusan terlebih dahulu berhak didahulukan daripada orang yang datang kemudian untuk berurusan.
- (10) Orang jahil hendaklah meruju' kepada orang alim untuk mengetahui persoalan-persoalan agama.

²⁰ Tajuk bab yang dibuat oleh Imam Bukhāri ini bertujuan memberitahu bahawa perkara yang sangat berharga seperti ilmu sememangnya mempunyai adab dan disiplin tersendiri untuk diperolehi.

Seperti pada bab sebelum ini, ḥadīts yang dikemukakan di bawahnya ialah berkaitan dengan ahli ilmu yang ditanya oleh seseorang ketika dia sedang mengajar dan berbicara dengan orang ramai. Tindakan Nabi s.a.w. dalam ḥadīts tersebut mengisyaratkan juga kepada adab dan etika yang betul dalam menanyakan persoalan. Tajuk bab ini pula dibuat untuk menghilangkan kekeliruan tentang kemestian seseorang itu bercakap dengan suara yang perlahan dan lembut ketika menyampaikan ilmu, terutamanya ilmu-ilmu agama, semata-mata untuk menjaga adab.

Memanglah sebahagian daripada sifat dan perangai Nabi kita Muḥammad s.a.w. dalam keadaan biasa adalah seperti tersebut di dalam ḥadīts berikut:

لَيْسَ بِفَظْ وَلَا غَلَبٌ فِي الْأَسْوَاقِ

Bermaksud: Dia (Nabi Muḥammad) bukanlah seorang yang kasar dan keras, bukan juga seorang yang suka berteriak dan bertempik di pasar-pasar. (Ḥadīts riwayat Bukhāri, Tirmidzi, ad-Dārimi).

Dan itu bukan sahaja sifat dan perangai Nabi kita, malah sifat dan perangai nabi-nabi lain sebelumnya. Orang-orang yang bijaksana dan cendekiawan di setiap zaman juga memang mengajar masyarakat supaya beradab dan beretika dalam kehidupan. Apabila bercakap, maka hendaklah dengan suara rendah dan lembut. Lihat bagaimana Luqmān al-Ḥakīm mengajarkan adab kepada anaknya, seperti tersebut di dalam al-Qur’ān:

وَأَقِصْ فِي مَشْيَكَ وَأَغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ ٦٦

Bermaksud: Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa bercakap), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai (Luqmān:19).

Ḥadīts yang akan disebutkan nanti menghilangkan kekeliruan tadi, kerana ia mengemukakan contoh Nabi s.a.w. sendiri yang menguatkan suaranya untuk mengajar para Shāhabat tentang perkara yang penting dan perlu diberikan peringatan serta penekanan yang lebih, sekaligus ia memberikan panduan kepada umat Islam tentang keutamaan ilmu dan keelokan menguatkan suara pada tempat yang sepatutnya. Dari sudut yang lain pula boleh juga dikatakan bahawa Imam Bukhāri ingin memberitahu pembacanya tentang perkara kedua yang perlu diketahui setelah ilmu tentang keimanan, iaitu ilmu berkenaan dengan ibadat.

Ḥadīts yang dibawakan di bawah tajuk bab ini menceritakan tentang kepentingan wudhu’ yang menjadi syarat sah bagi ibadat yang paling utama dan sentiasa dilakukan setiap hari di sepanjang hayat, iaitu sembahyang 5 waktu.

Tajuk bab kemudian pula menceritakan tentang disiplin yang lain dalam penyampaian ilmu, yang tidak kurang juga pentingnya. Ia berkaitan dengan keshahīhan sumber ilmu dan cara meriwayatkannya.

Di dalam Syarah Tarājim Abwāb al-Bukhāri Shah Waliyyullah menulis:

Tujuan Imam Bukhāri mengadakan tajuk bab ini ialah kerana sifat Rasulullah s.a.w. sebagaimana tersebut di dalam ḥadīts adalah: لَيْسَ بِصَخَابٍ (tidak suka berteriak dan bertempik), sedangkan dalam peristiwa yang tersebut di dalam ḥadīts ke-60 ini pula jelas menceritakan Baginda telah berteriak dan bertempik. Maka yang dinafikan ialah

٦ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ عَارِمُ بْنُ الْفَضْلِ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ، عَنْ أَبِي بِشْرٍ، عَنْ يُوسُفَ بْنِ مَاهَكَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو، قَالَ: تَخَلَّفَ عَنَّا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفْرَةِ سَافَرْنَاهَا فَأَذْرَكَنَا - وَقَدْ أَهْقَقْنَا الصَّلَاةَ - وَتَخَنَّنْتُمْ تَنَوَّصًا، فَجَعَلْنَا نَمْسَحُ عَلَى أَرْجُلِنَا، فَتَادَى بِأَغْلَى صَوْتِهِ: «وَإِنْ لِلْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ» مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثَةً.

[Lihat athrāf ḥadīts ke-60 ini pada: 96, 163].

60 – Abu an-Nu`mān `Aarim bin al-Fadhli meriwayatkan kepada kami, katanya, Abu `Awānah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Bisyr²¹ daripada Yusuf bin Māhak²² daripada `Abdullah bin `Amar,²³ katanya: “Pernah Nabi s.a.w.

berteriak dan bertempik dalam bermain dan bersuka ria, bukan dalam menyampaikan ilmu dan hukum-hakam. Lihat Syarah Tarājim Abwāb al-Bukhāri m/s 15).

Syeikhul Ḥind Maulana Maḥmūdul Ḥasan di dalam al-Abwāb Wa at-Tarājim berkata: “Bercakap dengan suara yang luar biasa kuat dalam keadaan biasa memanglah bukan perangai Nabi kita, dan ia bukan sahaja tidak sesuai dengan kedudukan Beliau s.a.w., malah tidak sesuai juga digunakan dalam pengajaran ilmu agama. Bagaimanapun ḥadīts bab ini menunjukkan keharusan mengangkat suara bila perlu, malah ia elok dalam keadaan itu. Adapun mengangkat suara kerana kesombongan dan keangkuhan atau kerana sikap tidak pedulikan orang maka itu memanglah tercela.” (Lihat al-Abwāb Wa at-Tarājim m/s 43).

Maulana Zakariya pula berpendapat, ada dua tujuan Imam Bukhāri mengadakan tajuk bab ini. Pertama, menyatakan adab guru. Guru boleh mengangkat suara bila perlu, supaya pengajarannya didengar oleh semua pelajar dengan baik. Kedua, menyatakan keelokan mengangkat suara ketika dharurat. Ini kerana terdapatnya ḥadīts-ḥadīts memuji percakapan dengan suara yang rendah dan lembut. Selain itu terdapat juga ḥadīts-ḥadīts yang mencela percakapan dengan suara yang kuat. (Lihat al-Abwāb Wa at-Tarājim Li Shāfi`ī al-Bukhāri j.1 m/s 40).

²¹ Beliau ialah Ja`far bin Iyās al-Yasykuri. Abu Bisyr adalah kuniahnya. Beliau juga terkenal dengan kuniah Ibnu Abi Wahsyiyah al-Wāsithi al-Bashri. Kata Aḥmad, Yahya dan Abu Hātim, “Tsiqah.” Ibnu Sa`ad berkata, “Tsiqah, banyak meriwayatkan ḥadīts.” Abu Bisyr meninggal dunia pada tahun 124H. ḥadīts-ḥadītsnya terdapat di dalam enam kitab utama ḥadīts.

²² Beliau ialah Yusuf bin Māhak bin Bihzād al-Fārisi al-Makki. Selain mendengar dan meriwayatkan ḥadīts daripada ayahnya sendiri Māhak, beliau juga mendengar dan meriwayatkan ḥadīts daripada sahabat-sahabat seperti Ibnu `Umar, Ibnu `Amar, `Aaishah dan lain-lain.

Yahya, an-Nasā'i dan lain-lain menatakan beliau perawi tsiqah. ḥadīts-ḥadītsnya terdapat di dalam hampir semua kitab-kitab utama ḥadīts. Yusuf meninggal dunia pada tahun 113H.

ketinggalan di belakang kami dalam satu perjalanan.²⁴ Kemudian Beliau s.a.w. sempat sampai kepada kami ketika kami sedang berwudhu' di penghujung

²³ Seorang Shahabat istimewa Rasulullah s.a.w., ayahnya; 'Amar bin al-'Aash merupakan orang yang bertanggungjawab membawa Islam ke Mesir, juga merupakan seorang ahli politik yang besar seperti Sayyidina Mu'awiyah, Mughīrah bin Syu'bāh dan lain-lain. Ramai ahli sejarah yang menyebutkan perkara yang tidak baik tentang 'Amar bin al-'Aash tetapi ia adalah suatu penyelewengan sejarah. 'Abdullah sendiri adalah seorang Shahabat yang suka beribadat, tidak seperti ayahnya yang menceburi bidang politik, minatnya kepada amal ibadah sehingga ada disebutkan dalam ḥadīts sebagai salah seorang Shahabat yang dimarahi Rasulullah kerana berhasrat mengabaikan tanggungjawab yang lain semata-mata kerana ingin beribadat:

لَكِيٌّ أَنَا أَصْلِي وَأَنَامُ وَأَصُومُ وَأَطْرُوْجُ الْسَّاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنْتِي فَلَئِسَ مِنْ

Bermaksud: "Aku bersembahyang dan aku juga tidur, aku berpuasa dan juga tidak berpuasa, aku juga berkahwin dengan perempuan. Orang yang tidak suka kepada sunnahku, maka ia bukan dari kalanganku."

Selain daripada ahli ibadat, beliau juga merupakan seorang ahli ilmu yang banyak mengajar, di zaman Nabi s.a.w. lagi beliau sudah ada mengumpulkan ḥadīts-ḥadīts dalam bentuk penulisan sehingga menjadi kitab yang dipanggil *الصحيفة الصحيحة* (lembaran yang shāhīh) atau *الصحيفة الصادقة* (lembaran yang benar). Abu Hurairah r.a. menyatakan bahawa 'Abdullah bin 'Amar melebihi dirinya kerana selain daripada menghafal dan menyebarkan ḥadīts melalui ingatan, beliau juga ada menulis ḥadīts.

²⁴ Riwayat ini menyebutkan satu perjalanan secara umum begitu sahaja, tetapi riwayat Muslim menjelaskan perjalanan manakah yang dimaksudkan. Kata 'Abdullah:

رَجَعْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مِنْ مَكَّةَ إِلَى الْمَدِينَةِ...

Bermaksud: Kami pulang bersama Rasulullah s.a.w. dari Mekah ke Madinah.

Perjalanan pulang dari Mekah ke Madinah yang tersebut di dalam ḥadīts 'Abdullah bin 'Amar ini mungkin sekali semasa pulang daripada mengerjakan haji wadā'. Kerana beliau memang ada bersama dalam perjalanan itu.

Mungkin juga semasa pulang dari ghazwah al-Fath. Tetapi semasa pulang dari ghazwah al-Fath itu tidaklah mereka pulang terus dari Mekah, sebaliknya dari Ji'rānah. Bagaimanapun boleh jugalah dikatakan perjalanan pulang dari Mekah mengambil kira Mekahlah tempat permulaan mereka bertolak pulang ke Madinah.

Ada juga kemungkinan perjalanan yang dimaksudkan itu semasa pulang dari 'Umratul Qadhā' pada tahun ke-7 Hijrah. Pada tahun itulah dikatakan 'Abdullah memeluk agama Islam.

Rasulullah s.a.w. dikatakan ketinggalan di belakang kami dalam perjalanan itu. Pada kebiasaannya pembesar-pembesar dunia berjalan mendahului orang-orang lain. Orang-orang yang mendahului mereka dianggap mencabuli kehormatan mereka.

Berbeza keadaannya dengan Nabi kita Muhamad s.a.w. Sebagai seorang Rasul yang tidak menyerupai raja-raja dan pembesar biasa, Baginda bukanlah orang yang sentiasa pertama sekali sampai di sesuatu tempat ketika dalam perjalanan.

waktu shalat.²⁵ (Dalam keadaan mahu cepat) Kami hanya menyapu²⁶ bahagian atas kaki kami sahaja. Maka Baginda s.a.w. berteriak dengan setinggi-tinggi suaranya:²⁷ “Kecelakaan²⁸ berupa api neraka untuk tumit-tumit.”²⁹ (Nabi s.a.w. berkata begitu) dua atau tiga kali.³⁰

Semuanya ini menunjukkan betapa tawadhu` dan merendah dirinya seorang nabi dan rasul.

²⁵ Berdasarkan beberapa riwayat, termasuk riwayat Bukhāri sendiri di dalam Kitab al-`Ilm ini di bawah باب مِنْ أَعَادَ الْحَدِيثَ ثُلَاثًا لِيَتَمْمَمَ عَنْهُ hadīts ke-96, dan di dalam Kitab al-Wudhu’ di bawah باب غَسْلِ الرِّجَالِيْنَ وَلَا يَمْسَخُ عَلَى الْقَمَيْنِ hadīts ke-163, shalat yang dimaksudkan ialah shalat `Ashar.

Di dalam riwayat ini tersebut أَرْهَقْنَا الصَّلَاةَ . Shalat sebagai *Fā`il* bagi . Kalau dibaca begini, maka ertiannya ialah ‘sembahyang telah membuatkan kami kesempitan (waktu)’ atau kami telah berada di penghujung waktu shalat. Berdasarkan riwayat ke-96 pula tersebut أَرْهَقْنَا الصَّلَاةَ . Shalat sebagai *maf`ūl*. Maka ia bererti ‘kami telah melewatkkan sembahyang’.

Ada juga riwayat menyebutkan أَرْهَقْنَا الصَّلَاةَ . Shalat sebagai *fā`il* juga seperti bacaan pertama. Ertinya juga sama dengan yang pertama. Riwayat ini juga betul mengambil kira perkataan as-Shalat bukan *mu`annats ḥaqīqi*.

²⁶ Ma`na yang sebenarnya di sini bukanlah menyapu sahaja seperti yang dilakukan oleh golongan Syi`ah, tetapi membasuh dengan cepat, sesuai dengan penggunaan perkataan مسح dengan erti الغسل الخفيف (pembasuhan yang ringan atau ringkas).

Maksudnya ialah oleh kerana kami telah berada dipenghujung waktu shalat `Ashar, kami dengan tergesa-gesa membasuh kaki kami dengan basuhan ringkas atau sedikit yang tidak meratai ke semua bahagian kaki. Oleh kerana cara basuhan seperti itu masih tidak memadai untuk wudhu’ dan ia tidak sesuai dengan ajaran al-Qur`ān dan Nabi s.a.w., Baginda menegur mereka dengan keras.

²⁷ Di sinilah terletak kesesuaian hadīts dengan tajuk babnya. Berteriak atau bertempik biasanya berlaku dalam keadaan kecemasan dan terdapat bahaya, contohnya ketika seseorang hampir dilanggar kereta, ketika berlaku kebakaran, ketika ada orang lemas dan sebagainya.

Dalam keadaan dan suasana yang menuntut suara dikeraskan boleh saja seseorang menggunakan pembesar suara atau berteriak dan bertempik dengan tujuan menyampaikan ilmu atau mengingatkan orang-orang tertentu daripada mendapat bahaya.

Rasulullah s.a.w. sendiri dalam kesempatan-kesempatan tertentu sering juga bercakap dengan suara yang tinggi dan keras. Jābir bin `Abdillah meriwayatkan, katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا حَظَبَ احْمَرَّتْ عَيْنَاهُ وَعَلَّ صَوْنُهُ وَأَشْتَدَّ غَصَبُهُ

Bermaksud: Rasulullah s.a.w. kalau berucap (berkhutbah), merah kedua belah matanya, suaranya meninggi dan kemarahannya memuncak. (Hadīts riwayat Muslim).

An-Nu'mān bin Basyīr meriwayatkan, katanya, aku mendengar Rasulullah s.a.w. berucap, kata Baginda: “Aku memberi amaran kepadamu dengan neraka, aku memberi amaran kepadamu dengan neraka, aku memberi amaran kepadamu dengan neraka.” (Beginu kuat suaranya) sehingga kalau seseorang berada di pasar sana, niscaya ia mendengarnya (suara Nabi s.a.w. itu) dari tempatku ini.

Di dalam riwayatnya yang lain tersebut begini:

حَتَّىٰ لَوْ كَانَ رَجُلٌ كَانَ فِي أَفْصَىٰ السُّوقِ، سَمِعَهُ، وَسَمِعَ أَهْلُ السُّوقِ صَوْتَهُ، وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ

Bermaksud: (Beginu kuat suaranya) sehingga kalau seseorang berada di penghujung pasar sana, niscaya ia mendengarnya (suara Nabi s.a.w. itu), dan suaranya didengari oleh orang-orang di pasar ketika beliau s.a.w. (berucap) di atas mimbar. (Lihat Musnad Ahmad j.4 m/s 272).

Sampai di sini persoalan mungkin timbul bahawa adakah Nabi s.a.w. belum pernah mengajar para Sha'habatnya cara berwudhu’?

Jawapannya ialah tentu sekali Nabi s.a.w. telah mengajar mereka, cuma boleh jadi sebahagian dari mereka tidak mempraktikkannya sebaik mungkin kerana keadaan tergesa-gesa seperti telah disebutkan sebelum ini, atau mereka fikir sudah memadai dengan menyapu begitu kerana telah kesuntukan waktu.

²⁸ Dalam terjemahan ini perkataan **ويل** diterjemahkan dengan kecelakaan. Selain memberi erti kecelakaan perkataan **ويل** juga mengandungi erti-erti lain seperti azab, seksaan, kerugian dan kebinasaan. Di dalam sesetengah riwayat tersebut: **ويل واد في جهنم** Bermaksud: Wail adalah satu lembah / lurah di dalam neraka Jahannam. Di dalam riwayat lain pula tersebut: **ويل واد في جهنم يسلل منه صدید أهل النار** Bermaksud: Wail adalah satu lembah / lurah di dalam neraka Jahannam. Mengalir daripadanya nanah ahli neraka. (Lihat kedua-dua ḥadīts itu di dalam Musnad Ahmad j.4 m/s 272).

ولم ترحم وتوجع وئيج (kata yang menunjukkan azab), **ولم ترحم وتوجع ويل** (kata yang menunjukkan kasihan belas dan simpati). Kepada orang yang mendapat kecelakaan, kerugian atau kebinasaan dan dia memang berhak serta layak mendapatnya di katakan **ولم**. Kepada orang yang mengalami kecelakaan, kerugian atau kebinasaan padahal dia tidak patut dan tidak layak mengalaminya pula dikatakan **وئيج**.

Penggunaan **ولم** dalam ḥadīts Nabi s.a.w. dapat anda lihat pada sabda berikut:

وَيُحَمِّلُ عَمَّارٌ نَفْثَةً الْبَاغِيَةَ

Bermaksud: Kasihan 'Ammār! Dia akan dibunuh oleh golongan pemberontak. (Ḥadīts riwayat Bukhāri, Ahmad, Ibnu Ḥibbān dan al-Ḥākim).

²⁹ Kebanyakan ‘ulama’ mengatakan sabda Nabi s.a.w. ini mengandungi *majāz bil ḥadzfi*, kerana ada *mudhāf* yang dibuang sebelum perkataan **الأَعْقَاب** (**الْأَعْقَاب** بالحذف), taqdirnya ialah: **ويل لأصحاب الأعقارب**. Maksudnya ialah ‘kecelakaan berupa api neraka untuk tuan-tuan tumit-tumit (yang tidak meratakan air ketika berwudhu’ hingga ke tumitnya).

Sebahagian mereka pula mentaqdirkan begini:

وَيُلَمَّسُ الْمَقْسُرِينَ فِي غَسْلِ الْأَعْقَابِ مِنَ النَّارِ

Bermaksud: Wail di dalam neraka untuk orang-orang yang cuai dalam membasuh tumit-tumit (ketika berwudhu’).

Oleh kerana manusia tegak di atas tumitnya, maka apabila dikatakan tumitnya diseksa di dalam neraka, dengan sendirinya ia menunjukkan tuan punya tumit itu juga diseksa di dalam neraka.

Perkataan di dalam ḥadīts sebelum perkataan **النَّارِ** boleh juga dipakai dengan erti **فِي** (dalam), seperti terpakai pada firman Allah di dalam Surah al-Jumu`ah berikut:

... إِذَا نُودِي لِلْمَصَلَوةِ مِنْ يَوْمِ الْجَمْعَةِ ...

Bermaksud: ... apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat ... (al-Jumu`ah:9).

Sesetengah ‘ulama’ pula berpendapat tidak perlu ditaqdirkan apa-apa di sini. Memadailah dengan ma’na tumit-tumit itu sendiri yang akan diazab dengan api neraka. Sesuai dengan kesalahan yang dibuat berpunca daripada tidak meratakan air pada bahagian tumit.

Diazab pada satu bahagian tubuh sahaja sama sekali tidak bererti bahagian-bahagian tubuh yang lain tidak terasa juga azabnya. Sebagai contohnya lihat saja apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. tentang seksaan yang dialami bapa saudaranya Abu Thālib. Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

أَهْوَنُ أَهْلِ النَّارِ عَدَّاً أَبُو طَالِبٍ وَهُوَ مُسْتَعْلُ بِتَغْلِينٍ يَعْلَى مِنْهُمَا دِمَاغُهُ

Bermaksud: Ahli neraka yang paling ringan azabnya ialah Abu Thālib. Dia memakai sepasang sepatu. Otaknya bergelegak kerana (kepanasan) sepatu yang dipakainya itu. (Ḥadīts riwayat Muslim dan Ahmad).

Baginda juga telah bersabda tentangnya begini:

لَعَلَهُ تَنْفَعُكُ شَفَاعَتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ فَيُجْعَلُ فِي صَحْضَاحٍ كَعْبَيْهِ يَعْلَى مِنْهُ دِمَاغُهُ

Bermaksud: “Semoga syafa’atku berguna kepadanya di hari kiamat nanti. Dia akan diletakkan di bahagian neraka yang cetek, hingga ke buku lalinya. Begitupun, sudah bergelegak otaknya. (Ḥadīts riwayat Bukhāri dan Muslim).

Azab yang disebutkan di dalam ḥadīts ke-60 ini adalah di dalam neraka, bukan di padang mahsyar dan bukan juga semasa di alam kubur.

³⁰ Antara pengajaran, panduan, pedoman dan hukum-hakam yang terdapat di dalam hadits ini ialah:

(1) Ḥadīts ini selain daripada menyatakan kepentingan menjaga waktu sembahyang juga memberitahu tentang sia-sia sembahyang yang dilakukan dengan tidak sempurna syaratnya.

(2) Dapat difahami juga daripada ancaman api neraka itu bahawa tidak sempurnanya wudhu’ menjadi punca dosa besar kerana tidak sahnya sembahyang.

(3) Keharusan berteriak atau menggunakan apa-apa alatan untuk menyampaikan ma’lumat dari jarak jauh sekiranya ia boleh membawa kepada bahaya.

(4) Perkara yang dianggap kecil dan tidak seberapa oleh kita tidak semestinya tidak mempunyai apa-apa implikasi dan risikonya. Mungkin juga ia menjadi penyebab kepada kemusnahan kita kelak jika tidak dijaga dengan baik.

(5) Kaki, termasuk tumit hingga ke buku lali wajib dibasuh dengan sempurna ketika berwudhu’. Menyapu sahaja tidak memadai. Kalau ia memadai, tentulah Rasulullah

s.a.w. tidak berteriak sebegitu rupa, dan tentulah tidak diancamnya dengan Wail di dalam neraka.

- (6) Anggota-anggota wudhu' selain kaki yang wajib dibasuh juga mestilah dibasuh dengan sempurna. Tidak sah wudhu' dengan meninggalkan mana-mana bahagian daripadanya tanpa dibasuh.
- (7) Kewajiban mengajar dan membimbing orang-orang jahil tentang selok-belok agama.
- (8) Tubuh dan jasad manusia yang melakukan dosa-dosa tertentu juga diseksa di dalam neraka. Inilah pegangan Ahli as-Sunnah Wa al-Jāmā`ah.
- (9) Keharusan mengangkat suara dan meninggikannya ketika mengajar.
- (10) Orang alim (yang mengetahui) hendaklah menegur apa-apa tindakan orang ramai yang menyalahi hukum-hakam agama. Dalam tegurannya itu ia boleh bersuara keras, bahkan bertempik sekalipun bila perlu.
- (11) Keharusan mengulangi menyebut sesuatu perkara sebanyak beberapa kali dengan tujuan mengingatkan dan menimbulkan rasa prihatin terhadapnya.
- (12) Nabi s.a.w. selalu menggunakan bahasa majāz (pinjaman) atau kiasan dan sindiran dalam percakapannya, termasuk juga membuang perkataan-perkataan tertentu apabila keadaan menghendakinya.